



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG (LPK)**

**DOKUMEN SEBUTHARGA**

**SEBUT HARGA NO: LPK/10/03/2017 (JTM)  
MEMBAHARUI LESEN PERISIAN DAN  
MENYELENGGARA PERKAKASAN  
WEBMARSHAL DAN MAILMARSHAL  
BAGI TAHUN 2017**

**KOD BIDANG PENDAFTARAN : 210102 & 210103**

**TARIKH PELAWAAN : 6 MAC 2017 (ISNIN)**

**TARIKH TUTUP SEBUTHARGA : 20 MAC 2017 (ISNIN)  
(JAM 12.00 TENGAHARI)**

## LEMBAGA PELABUHAN KELANG (LPK)

### SEBUT HARGA NO: LPK/10/03/2017 (JTM) MEMBAHARUI LESEN PERISIAN DAN MENYELENGGARA PERKAKASAN WEBMARSHAL DAN MAILMARSHAL BAGI TAHUN 2017

<b><u>Bil.</u></b>	<b><u>Kandungan</u></b>	<b><u>Muka Surat</u></b>
1.	Kandungan	2
2.	Syarat-Syarat Sebutharga	3 – 7
3.	Skop Kerja	8
4.	Spesifikasi Teknikal (Lampiran A)	9-10
5.	Borang Harga (Lampiran B)	11 - 12
6.	Borang Latarbelakang Penyebutharga (Lampiran C1 – C2)	13 - 14
7.	Borang Kedudukan Kewangan Penyebutharga (Lampiran C3)	15
8.	Borang CA – Laporan Bank/Institusi Kewangan (Lampiran D)	16
9.	Borang Kakitangan Teknikal (Lampiran E)	17
10.	Borang Pengalaman Penyebutharga (Lampiran F)	18
11.	Borang Pengesahan Penyebutharga (Lampiran G)	20
12.	Surat Akuan Pembida (Lampiran H)	21
13.	Senarai Semak Bahagian Teknikal (Lampiran I)	22
14.	Senarai Semak Bahagian Kewangan (Lampiran J)	23

## LEMBAGA PELABUHAN KELANG

### Syarat-Syarat Sebutharga

Penyebutharga-Penyebutharga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebutharga. **Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebutharga tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.**

#### 1. Kelayakan Untuk Memasuki Sebutharga

- 1.1 Semua syarikat yang hendak menyertai Sebutharga ini hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah pecahan kepala

**210102 - Hardware (high end technology) - All types of server, mainframe, high end Printers, storage area network (SAN, NAS) including maintenance**

**210103 - Computer software, operating system, database, off-the-shelf packages including maintenance.**

dan masih sah pendaftarannya semasa menghantar dokumen sebutharga. **Sesalinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran.**

- 1.2 Tawaran ini ditutup pada **12.00 tengahari** pada **20 Mac 2017 (Isnin)**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

#### 2. Dokumen Sebutharga

- 2.1 Pastikan dokumen Sebutharga ini mengandungi perkara-perkara berikut :-

- a. Syarat-Syarat Sebutharga;
- b. Skop Kerja;
- c. Spesifikasi Teknikal (Lampiran A);
- d. Borang Harga (Lampiran B);
- e. Borang Latarbelakang Penyebutharga (Lampiran C1 – C2);
- f. Borang Kedudukan Kewangan Penyebutharga (Lampiran C3);
- g. Borang CA – Laporan Bank/Institusi Kewangan (Lampiran D);
- h. Borang Kakitangan Teknikal (Lampiran E);
- i. Borang Pengalaman Penyebutharga (F);
- j. Borang Pengesahan Penyebutharga (Lampiran G);
- k. Surat Akuan Pembida (Lampiran H)
- l. Senarai Semak Bahagian Teknikal (Lampiran I)
- m. Senarai Semak Bahagian Kewangan (Lampiran J)

#### 3. Cara-Cara Mengisi Borang Sebutharga

- 3.1 Setiap borang/lampiran yang dikepulkan hendaklah dibaca dengan teliti sebelum diisi. Sebarang kesilapan semasa memenuhkan borang boleh menyebabkan tawaran tuan/puan tidak dipertimbangkan.
- 3.2 **Penyebutharga** dikehendaki menandatangani **Surat Akuan Pembida** seperti di **Lampiran H** beserta **Surat Perwakilan Kuasa** yang menyatakan bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.
- 3.3 **Semua borang** mesti dipenuhi dengan **lengkap, tepat dan betul** diruangan yang ditentukan dan ditaip dengan kemas dan terang. **Semua borang yang perlu**

**tandatangan atau cop mestilah ditandatangani atau dicop dengan lengkap.** Borang yang **tidak lengkap, tepat dan betul** boleh menyebabkan **tawaran** tuan/puan **tidak dipertimbangkan**.

- 3.4 Penyebutharga dikehendaki menyatakan **“Mematuhi”** atau **“Tidak Mematuhi”** atau menyatakan cadangan yang bersesuaian di ruangan Pematuhan Spesifikasi pada **Lampiran A (Spesifikasi Teknikal)**.
- 3.5 Penyebutharga **tidak dibenarkan mencatat nama Penyebutharga (nama syarikat) dan harga** dalam **dokumen teknikal** (seperti di **para 4.2**). **Kegagalan akan menyebabkan tawaran Sebutharga tidak layak dipertimbangkan**.
- 3.6 Sebarang **pindaan** dan pembatalan di dalam borang-borang hendaklah **ditandatangani ringkas** oleh Penyebutharga dan diberi tarikh. Lembaga tidak akan membuat sebarang bayaran tambahan yang disebabkan oleh kecuaihan/kesilapan/kegagalan Penyebutharga memasukkan nilai di dalam harga Sebutharga.
- 3.7 Penyebutharga dikehendaki mengemukakan semua butir-butir kos seperti yang dikehendaki dalam dokumen Sebutharga ini. Semua harga yang ditawarkan mestilah betul dan tepat (tidak mengelirukan). Sekiranya terdapat butiran yang tertinggal dalam tawaran Sebutharga ini, ia mungkin boleh menyebabkan tawaran Sebutharganya tidak dipertimbangkan atau jika ia berjaya mendapat Sebutharga ini, kontrak boleh ditamatkan. Harga Sebutharga adalah harga bersih di mana semua cukai kerajaan yang terlibat telah diambil kira.
- 3.8 Penjelasan hendaklah diberi dengan jelas jika ada apa perubahan dari spesifikasi yang telah diberi oleh Lembaga. Jika diskaun atau sebarang pengurangan harga diberi oleh Penyebutharga, keterangannya hendaklah diberi dengan jelas dalam surat yang mengandungi cop syarikat dan ditandatangani. Surat ini hendaklah dilampirkan bersama Borang Sebutharga.

#### 4. **Penghantaran Dokumen Sebutharga**

- 4.1 Borang-borang Sebutharga yang telah diisi dengan **lengkap tepat dan betul** hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat bermetri yang berasingan dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul pertama dicatatkan perkataan **Sebut Harga No:LPK/10/03/2017 (JTM) Membaharui Lesen Perisian Dan Menyelenggara Perkakasan Webmarshal Dan Mailmarshal Bagi Tahun 2017 – Bahagian Teknikal**.  
  
Pada bahagian atas sebelah kiri sampul kedua dicatatkan perkataan **Sebut Harga No:LPK/10/03/2017 (JTM) Membaharui Lesen Perisian Dan Menyelenggara Perkakasan Webmarshal Dan Mailmarshal Bagi Tahun 2017 – Bahagian Kewangan**.
- 4.2 Borang-Borang Sebutharga pada sampul surat yang dinyatakan **Bahagian Teknikal** yang mesti dikembalikan adalah :-
  - a. **Senarai Semak (Lampiran I)**
  - b. **Spesifikasi Teknikal (Lampiran A)**
  - c. **Borang Kakitangan Teknikal (Lampiran E)**
  - d. **Borang Pengalaman Penyebutharga (Lampiran F)**
  - e. **Jadual Pelaksanaan Kerja**
- 4.3 Borang-Borang Sebutharga pada sampul surat yang dinyatakan **Bahagian Kewangan** yang mesti dikembalikan adalah :-

- a. **Senarai Semak (Lampiran J)**
- b. **Borang Harga (Lampiran B);**
- c. **Borang Latarbelakang Penyebutharga (Lampiran C1 – C2);**
- d. **Borang Kedudukan Kewangan Penyebutharga (Lampiran C3);**
- e. **Borang CA – Laporan Bank/Institusi Kewangan (Lampiran D);**
- f. **Borang Pengesahan Penyebutharga (Lampiran G)**
- g. **Surat Akuan Pembida – Borang H berserta Surat Perwakilan Kuasa Diri Mewakili Syarikat**
- h. **Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan**

- 4.4 Sampul-sampul ini kemudian hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat lain yang berlakri dan dicatitkan pada bahagian atas kiri sampul surat itu dengan perkataan **Sebut Harga No:LPK/10/03/2017 (JTM) Membaharui Lesen Perisian Dan Menyelenggara Perkakasan Webmarshal Dan Mailmarshal Bagi Tahun 2017**

Sampul surat ini hendaklah dialamatkan kepada :

**Pengerusi,  
Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga,  
Lembaga Pelabuhan Kelang,  
Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara,  
42005 Pelabuhan Klang**

- 4.5 Tawaran yang dihantar dengan tangan boleh dimasukkan ke dalam peti Sebutharga yang terletak di tingkat bawah Ibu Pejabat Lembaga Pelabuhan Kelang, pada bila-bila masa waktu pejabat sebelum tarikh tutup Sebutharga.
- 4.6 Tawaran yang dihantar melalui pos hendaklah melalui pos berdaftar dan hendaklah tiba sebelum 12.00 tengahari pada/sebelum tarikh tutup Sebutharga.
- 4.7 Lembaga tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan borang-borang penyertaan Sebutharga akibat dari kesilapan peti yang dimasukkan atau Sebutharga-Sebutharga yang dihantar dengan pos.

## 5. **Tempoh Sahlaku Tawaran**

- 5.1 Harga yang akan ditawarkan hendaklah sah dalam tempoh **90 hari** selepas tawaran ditutup.

## 6. **Setuju Terima Sebutharga**

- 6.1 Lembaga akan memberi notis bertulis kepada Penyebutharga yang berjaya apabila Sebutharganya dipersetujui.
- 6.2 Notis itu boleh mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat atau sebagai pengubahsuaian syarat-syarat yang dilampirkan bersama ini dan sekiranya demikian Sebutharga itu tidaklah boleh disifatkan sebagai dipersetujui sehingga pengesahan bertulis daripada Penyebutharga menyatakan bahawa syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai itu adalah diterima.
- 6.3 Apabila dipersetujui, maka suatu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara Lembaga dengan Penyebutharga itu mengikut syarat kontrak yang dilampirkan (termasuk syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai yang tersebut itu, jika ada) dan tiadalah apa-apa perjanjian atau syarat lain walau dari apa jenis pun boleh disifatkan sebagai termasuk dalam kontrak ini.

**6.4 Penyebutharga yang berjaya akan dinilai prestasinya sepanjang kontrak berjalan atau sepanjang tempoh jaminan.**

6.5 Lembaga adalah berhak mempersetujui Sebutharga sama ada kesemuanya atau sebahagiannya.

6.6 Lembaga tidak terikat mempersetujui Sebutharga yang rendah sekali atau mana-mana Sebutharga jua pun.

6.7 Selaras dengan keperluan ISO / IEC 27001:2013 (ISMS) penyebutharga dikehendaki menandatangani Non Disclosure Agreement (NDA) dan akan dipantau.

**7. Keadaan Barang**

7.1 Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

7.2 Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.

7.3 Apabila diminta, penyebutharga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Lembaga Pelabuhan Kelang segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu.

**8. Bayaran**

Bayaran tidak akan dibuat untuk serahan sebahagian daripada sebarang benda, perkhidmatan atau bekalan yang tidak lengkap atau tidak siap atau berasingan.

**9. Keputusan Sebutharga Adalah Muktamad**

11.1 Lembaga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari Penyebutharga-Penyebutharga. Keputusan mengenai Sebutharga yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan Sebutharga tidak akan dilayan.

**10. Harga Tawaran**

10.1 Penyebutharga dikehendaki menawarkan harga dalam **Ringgit Malaysia (RM)** sahaja tetapi mereka hendaklah menyatakan dengan jelas di dalam Sebutharga sama ada harga yang diberi adalah harga (12.1.1) atau (12.1.2) atau kedua-duanya sekali seperti berikut :

10.1.1 Harga Serahan Bersih **termasuk semua cukai**, Bayaran Pengurusan Insuran pengangkutan ke tempat serahan seperti yang dinyatakan (Untuk barangan "Ex-stock" sahaja).

10.1.2 Harga C & F dan C.I.F bagi barangan import.  
Cukai Jualan jika ada hendaklah diasingkan.

**11. Integrity Pact**

11.1 Semua penyebut harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu para penyebut harga diberi peringatan seperti berikut:

(i) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan jenayah di bawah AKTA Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- (ii) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
  - (iii) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
  - (iv) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja di buat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (Akta 2009).
- 11.2 Kesemua penyebut harga yang mengemukakan sebut harga ini adalah **wajib menandatangani Surat Akuan Pembida** di mana ia berjanji untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk di pilih dalam tawaran tersebut. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. Kegagalan mengemukakan dokumen ini akan mengakibatkan cadangan tawaran penyebut harga di tolak dan tidak akan dipertimbangkan.
- 11.3 Penyebut harga yang berjaya, wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya berserta dengan Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani di mana ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.
12. **Denda Lewat Bekal**
- 12.1 Penyebutharga yang berjaya hendaklah menyempurnakan skop dan kerja sebut harga dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam sebut harga.
- 12.2 Jika Penyebutharga yang berjaya, gagal membekal, **Sebut Harga No: LPK/10/03/2017 (JTM) Membaharui Lesen Perisian Dan Penyelenggara Perkakasan Webmarshal Dan Mailmarshal Bagi Tahun 2017** mengikut jadual pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan, Penyebutharga boleh dikenakan bayaran denda yang berjumlah **1% daripada jumlah nilai sebutharga bagi setiap hari lewat termasuk cuti hari Sabtu, Ahad dan cuti umum.**
13. **'Softcopy'**
- 13.1 Dokumen Sebutharga ini boleh diperolehi dalam bentuk '*softcopy*' di atas permintaan sahaja melalui telefon No 03-31688211.

**LEMBAGA PELABUHAN KELANG (LPK)**  
**SEBUT HARGA NO: LPK/10/03/2017 (JTM)**  
**MEMBAHARUI LESEN PERISIAN DAN MENYELENGGARA**  
**PERKAKASAN WEBMARSHAL DAN MAILMARSHAL**  
**BAGI TAHUN 2017**

**SKOP KERJA**

Penyebutharga yang berjaya mestilah mematuhi skop kerja seperti berikut :

1. Penyebutharga yang dilantik hendaklah membaharui lesen perisian dan memberi sokongan teknikal bagi MailMarshal dan WebMarshal untuk tempoh 1 tahun, seperti dinyatakan dalam **Lampiran A**.
2. Penyebutharga yang berjaya dikehendaki membuat
  - 2.1 penyelenggaraan sekurang-kurangnya dua kali setahun
  - 2.2 pembaikan bagi gangguan atau kerosakan pada perkakasan dan perisian yang terkandung dalam 'Advance Hardware Assurance Extended Warranty'bagi perkakasan dan perisian MailMarshal dan WebMarshal yang telah dipasang, diuji beroperasi dengan baik dan disahkan oleh Pegawai Jabatan Teknologi Maklumat.
3. Penyebutharga dikehendaki menyediakan Jadual Pelaksanaan Kerja supaya kerja yang dibuat dirancang dan dilaksana sewajarnya.
4. Penyebutharga yang berjaya dikehendaki membaharui lesen perisian dalam **tempoh dua (2) minggu** dari tarikh Surat Setuju Terima yang dikembalikan kepada **Jabatan Teknologi Maklumat**. Namun begitu pelaksanaan bagi tempoh masa yang lebih singkat amat digalakkan.
5. Penyebutharga yang berjaya perlu bekerjasama dengan pembekal penyelenggaraan yang dilantik di LPK.
6. Penghantaran bekalan adalah kepada Jabatan Teknologi Maklumat, Lembaga Pelabuhan Kelang, sebelum 4.00 petang hari bekerja (rehat 1.00 ptg – 2.00 ptg) dan tempoh penghantaran perlu dinyatakan pada **Lampiran B**.



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG (LPK)  
SEBUT HARGA NO: LPK/10/03/2017 (JTM)  
MEMBAHARUI LESEN PERISIAN DAN MENYELENGGARA  
PERKAKASAN WEBMARSHAL DAN MAILMARSHAL BAGI TAHUN 2017**

**SPESIFIKASI TEKNIKAL**

BIL	PERKARA	UNIT	PEMATUHAN SPESIFIKASI
1	<b>Pembaharuan Lesen Perisian Web Marshal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Essential Care Web Marshal</li> <li>• Antivirus Module Plug in for web</li> <li>• Marshal URL Filtering List</li> <li>• AntiSpyware Web Protection</li> </ul>	150	
2	<b>Pembaharuan Lesen Perisian Mail Marshal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Essential Care Mail Marshal</li> <li>• Antivirus Module Plug in for SMTP</li> <li>• Image Analyzer</li> </ul>	150	
3	<b>Hardware Assurance (Extended Warranty) bagi WebMarshal Server dan MailMarshal Server (1 year/per server )</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• OS Version Upgrade</li> <li>• Hardware Memory Upgrade</li> <li>• System Storage Upgrade</li> <li>• Hardware Loan Replacement Within 24 Hours</li> <li>• Hardware System Maintenance</li> </ul> <p>Serial Number : 1. J30HGK6 2. J30HGK9</p>	2	
4	<b>Sokongan Teknikal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• onsite and offsite technical support</li> <li>• onsite preventive maintenance (2 time/year)</li> <li>• software &amp; version update and upgrade</li> </ul>	1	

Nota : Sila isi **Mematuhi atau Tidak Mematuhi** pada ruangan Pematuhan Spesifikasi Sebutharga atau mencadangkan spesifikasi yang sama taraf atau lebih tinggi dari spesifikasi yang ditetapkan. Penyebutharga tidak dibenarkan mencatat nama syarikat dan harga dalam dokumen-dokumen teknikal. Kegagalan mematuhi arahan akan menyebabkan tawaran sebutharga tidak layak dipertimbangkan.

## LAMPIRAN A

**Spesifikasi Teknikal yang dinyatakan di Lampiran A adalah diakui benar.**

**Nama :**

**Tandatangan :**

**Tarikh :**

**LEMBAGA PELABUHAN KELANG (LPK)  
SEBUT HARGA NO: LPK/10/03/2017 (JTM)  
MEMBAHARUI LESEN PERISIAN DAN MENYELENGGARA  
PERKAKASAN WEBMARSHAL DAN MAILMARSHAL BAGI TAHUN 2017**

**BORANG HARGA**

BIL	PERKARA	UNIT	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
1	<b>Pembaharuan Lesen Perisian Web Marshal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Essential Care Web Marshal</li> <li>• Antivirus Module Plug in for web</li> <li>• Marshal URL Filtering List</li> <li>• AntiSpyware Web Protection</li> </ul>	150		
2	<b>Pembaharuan Lesen Perisian Mail Marshal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Essential Care Mail Marshal</li> <li>• Antivirus Module Plug in for SMTP</li> <li>• Image Analyzer</li> </ul>	150		
3	<b>Hardware Assurance (Extended Warranty) bagi WebMarshal Server dan MailMarshal Server (1 year/per server )</b>	2		
4	<b>Sokongan Teknikal</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• onsite and offsite technical support</li> <li>• onsite preventive maintenance (2 time/year)</li> <li>• software &amp; version update and upgrade</li> </ul>	1		
			<b>JUMLAH</b>	
			<b>GST 6%</b>	
			<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	

**LAMPIRAN B**

Jumlah Keseluruhan (Dalam Perkataan):

Ringgit Malaysia .....

Tempoh Penghantaran : ..... daripada Tarikh Surat Setuju Terima

Tempat Penghantaran : Jabatan Teknologi Maklumat, Lembaga Pelabuhan Kelang

Masa Siap/Penghantaran : Sebelum 4.00 petang Hari Bekerja (waktu rehat 1.00 – 2.00 ptg)

Cop Syarikat : .....

Nama : .....

.....  
(Tandatangan)

Tarikh : .....

**BORANG LATARBELAKANG PENYEBUTHARGA**

**ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR**

Semua butir dilampiran ini hendaklah diisi oleh kontraktor dengan betul dan lengkap dan dikembalikan bersama-sama dengan Borang Sebutharga. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan Sebutharga ini ditolak atau/dan mengakibatkan tindakan tatatertib diambil ke atas kontraktor berkenaan.

**LATARBELAKANG KONTRAKTOR**

**Bahagian A : MAKLUMAT ASAS**

1. Nama Syarikat : .....
  2. Alamat Syarikat : .....  
.....  
.....  
.....
  3. No. Telefon Pejabat : .....
  4. Alamat E-mail : .....
  5. No. Pendaftaran dengan  
Kem. Kewangan : .....  
(Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran)
  6. Tarikh Pendaftaran : .....
  7. Tempoh Sah : .....  
Pendaftaran
  8. Jenis Syarikat : Syarikat Persendirian/Syarikat Perkongsian/  
Syarikat Tanggungan Bhd/Sdn. Bhd\*
  9. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. nyatakan :
    - i. Modal dibenarkan : .....
    - ii. Modal dibayar : .....
- \* Potong yang tidak berkenaan

- 10. Ahli-Ahli Syarikat/Pemilik Syarikat
- 10.1 Ahli-Ahli Lembaga Pengarah

Nama	Jawatan	Saham Modal Dipegang

**Catitan :**

**Jika ruang tidak mencukupi sila gunakan lampiran tambahan.**

Nama Penyebutharga : .....

T/Tangan Penyebutharga : .....

Cop Syarikat : .....

Tarikh : .....

**BORANG KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUTHARGA**

- A. Ringkasan harta dan liabiliti seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan (Balance Sheet)\* yang diaudit bagi tahun kewangan terakhir.

Asset * (A)	Liabiliti * (B)	Nilai Kewangan (Worth) (A-B)
Semasa : RM Tetap : RM ----- Jumlah : RM =====	Semasa : RM Tetap : RM ----- Jumlah : RM =====	Modal Pusingan : RM  Modal Tetap : RM  'Nett Worth' : RM

- B. Akaun Wang Ditangan (Cash in Hand)\*\*

1. Nama dan Alamat bank di mana akaun dibuka:

.....  
.....

2. Nombor Akaun: .....

- C. Kemudahan kredit dalam bentuk mudah cair (jika ada)+

1. Nama dan Alamat bank / Institusi Kewangan yang memberi kemudahan kredit:

.....  
.....

2. Bentuk dan baki amaun kemudahan kredit dalam bentuk mudah cair yang boleh digunakan untuk projek pembinaan.

(i)	Overdraf atau Talian Kredit	:	RM	
(ii)	Overdraf bercagar	:	RM	
(iii)	Pinjaman Tetap yang akan/layak diperolehi untuk projek	:	RM	
(iv)	Surat jaminan Kredit (Letter of Credit (LC))	:	RM	
(v)	.....	:	RM	
				-----
			RM	=====

**Peringatan penting**

- \* Sila sertakan salinan Akuan Syarikat bagi dua (2) tahun kewangan terakhir, yang disahkan dan diaudit oleh Juru Audit bertauliah (Certified Accountant) atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya bagi menyokong data-data yang diberi. Sebutharga yang tidak disertakan dengan Akaun ini akan ditolak.
- \*\* Sila sertakan salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Sebutharga (Jan 2017, Dis 2016 & Nov 2016). Sebutharga yang tidak disertakan dengan penyata ini akan ditolak.
- + Sila dapat dan sertakan Laporan sulit daripada pihak Bank/Institusi Kewangan atas format seperti Borang CA, dalam satu sampul berlakri

**SULIT****BORANG CA – LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI  
KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUTHARGA**

(borang ini hendaklah dilengkapkan oleh pihak bank atau institusi kewangan lain dan di serahkan kepada Penyebutharga dalam satu sampul berlakri untuk disertakan bersama-sama Sebutharganya sekiranya Penyebutharga mempunyai kemudahan kredit dalam bentuk mudah cair dengan bank /institusi kewangan yang berkenaan )

Kepada : .....

.....

Nama Penyebutharga : .....

Projek : .....

.....

- (A) Kemudahan kredit dalam bentuk mudah cair yang boleh digunakan untuk pelaksanaan projek:  
Kemudahan kredit yang telah diluluskan dan kemudahan kredit tambahan minimum yang layak diperolehi oleh Penyebutharga adalah seperti berikut:

Bentuk kemudahan kredit	Baki daripada yang telah diluluskan	Tambahan minimum yang akan diluluskan*	jumlah
a. Overdraft	RM	RM	RM
b. Overdraff bercagar	RM	RM	RM
c. Talian kredit	RM	RM	RM
d. Pinjaman Tetap yang akan/layak diperolehi untuk projek.			
e. Surat jaminan kredit			
f. ....	RM	RM	RM
	RM	RM	RM
Jumlah	RM	RM	RM

\*(Jika projek ditawarkan kepada Penyebutharga)

- (B) Ulasan –ulasan mengenai kedudukan kewangan dan akaun Penyebutharga

Tandatangan untuk dan bagi pihak bank : .....

Nama bank : .....

Meteri bank : .....

Nama Pegawai : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG (LPK)  
SEBUT HARGA NO: LPK/10/03/2017 (JTM)  
MEMBAHARUI LESEN PERISIAN DAN MENYELENGGARA  
PERKAKASAN WEBMARSHAL DAN MAILMARSHAL BAGI TAHUN 2017**

**KAKITANGAN TEKNIKAL  
(Senaraikan Kakitangan Teknikal – Minimum 1 orang)**

Nama	Jawatan	Kelulusan Akademik/Iktisas

Catitan :

Jika ruang tidak mencukupi sila gunakan lampiran tambahan.

Tandatangan: .....

Nama Penandatangan:.....

Tarikh:.....

- \* Hanya tandatangan, nama penandatangan dan tarikh diperlukan. Nama dan Cop syarikat jangan dinyatakan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan sebut harga tuan ditolak.

**LEMBAGA PELABUHAN KELANG (LPK)  
SEBUT HARGA NO: LPK/10/03/2017 (JTM)  
MEMBAHARUI LESEN PERISIAN DAN MENYELENGGARA  
PERKAKASAN WEBMARSHAL DAN MAILMARSHAL BAGI TAHUN 2017**

**BORANG PENGALAMAN PENYEBUTHARGA**

**(Senaraikan Projek Perisian Content Filtering daripada tahun 2014- sehingga kini)**

Bil	Nama Jabatan/Agensi/Syarikat	Nama Projek	Nilai Sebutharga	Tarikh Sebutharga	Nama/No. Tel Pegawai Bertanggungjawab

**Nota:**

Jika ruang tidak mencukupi sila gunakan lampiran tambahan.

**Rekod Pengalaman Kerja yang dinyatakan di Lampiran F adalah diakui benar.**

**Tandatangan:** .....

**Nama Penandatangan:**.....

**Tarikh:**.....

**\*\* Hanya tandatangan, nama penandatangan dan tarikh diperlukan. Nama dan Cop syarikat jangan dinyatakan. (Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan sebut harga tuan ditolak)**

**BORANG PENGESAHAN PENYEBUTHARGA**

1. Nama dan Alamat Punca Bekalan

.....  
.....  
.....  
.....

2. Nama pengimport (Sekiranya tidak diimport terus oleh Penyebutharga sendiri)

3. Nama Ajen Perkapalan dan Pengendalian :

.....  
.....  
.....  
.....

4. PENGESAHAN :

Saya/kami dengan ini bersetuju menerima semua syarat pelawaan Sebutharga ini.

.....

Tandatangan Penyebutharga

.....

Nama Penandatangan

.....

Cop Syarikat

.....

Tarikh

Peringatan Mustahak

Semua maklumat yang diisi/diberi hendaklah dengan lengkap dan ditaip. Sebarang pindaan dan pembetulan mestilah ditandatangani ringkas oleh Penyebutharga.



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

Saya,.....no. K.P.....yang mewakili.....no.Pendaftaran.....

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam.....atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam..... atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan- tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

- Catatan: i) \*Potong mana yang tidak berkenaan.  
ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa**

**LEMBAGA PELABUHAN KELANG (LPK)  
SEBUT HARGA NO: LPK/10/03/2017 (JTM)  
MEMBAHARUI LESEN PERISIAN DAN MENYELENGGARA  
PERKAKASAN WEBMARSHAL DAN MAILMARSHAL BAGI TAHUN 2017**

**SENARAI SEMAK BAHAGIAN TEKNIKAL**

**Borang-Borang Maklumat yang Perlu Dilengkapi oleh Penyebutharga**

Isikan semua butir di borang-borang di bawah dengan betul dan lengkap. Kegagalan mengisi atau memberi maklumat palsu, jika dikesan akan mengakibatkan Sebutharga ditolak.

Bil	Perkara	Untuk Ditanda oleh Penyebutharga	Untuk Disemak oleh LPK
1.	Senarai Semak (Lampiran I) Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Spesifikasi Teknikal (Lampiran A) Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Senarai Kakitangan Teknikal (Lampiran E) Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Borang Pengalaman Kerja (Lampiran F) Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Jadual Perancangan Kerja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<p><b><u>Pengesahan Oleh Syarikat</u></b></p> <p>Dengan ini, saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh:</p>		<p><b><u>Untuk Kegunaan LPK</u></b></p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga &amp; Tender mengesahkan penerimaan bertanda kecuali bagi perkara bil .....(jika ada).</p> <p>Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh:</p>	

- Penyebutharga tidak dibenarkan mencatat nama Penyebutharga (nama syarikat) dan harga dalam semua dokumen di Bahagian Teknikal. Kegagalan akan menyebabkan tawaran Sebutharga tidak layak dipertimbangkan.

**LEMBAGA PELABUHAN KELANG (LPK)  
SEBUT HARGA NO: LPK/10/03/2017 (JTM)  
MEMBAHARUI LESEN PERISIAN DAN MENYELENGGARA  
PERKAKASAN WEBMARSHAL DAN MAILMARSHAL BAGI TAHUN 2017**

**SENARAI SEMAK BAHAGIAN KEWANGAN**

**Borang-Borang Maklumat yang Perlu Dilengkapi oleh Penyebutharga**

Isikan semua butir di borang-borang di bawah dengan betul dan lengkap. Kegagalan mengisi atau memberi maklumat palsu, jika dikesan akan mengakibatkan Sebutharga ditolak.

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Untuk Ditanda oleh Penyebutharga</b>	<b>Untuk Disemak oleh LPK</b>
1.	Senarai Semak (Lampiran J) Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Borang Harga (Lampiran B) Bercop dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Borang Latarbelakang Penyebutharga (Lampiran C1 – C2) Bercop dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Borang Kedudukan Kewangan (Jan 2017, Dis 2016 dan Nov 2016) Penyebutharga (Lampiran C3) Mematuhi Peringatan Penting Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Borang CA – Laporan Bank/Institusi Kewangan (Lampiran D) Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Borang Pengesahan Penyebutharga (Lampiran G). Bercop dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Surat Akuan Pembida (Lampiran H) beserta Surat Perwakilan Kuasa Bercop dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	<p><b><u>Pengesahan Oleh Syarikat</u></b></p> <p>Dengan ini, saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :</p>	<p><b><u>Untuk Kegunaan LPK</u></b></p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga &amp; Tender mengesahkan penerimaan bertanda kecuali bagi perkara bil .....(jika ada).</p> <p>Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :</p>	

